

## **PEMAPARAN WARGA AFRIKA DI DALAM BERITA HARIAN**

*(The Portrayal of Africans in Berita Harian)*

Abdul Latiff Ahmad & Mala a/p Kumar

### **ABSTRAK**

Terdapat peningkatan di dalam bilangan warga Afrika yang memasuki Malaysia di atas pelbagai faktor. Antara factor yang popular adalah untuk pendidikan dan pelancongan. Di atas sebab peningkatan komuniti Afrika di Malaysia, mereka turut mendapat perhatian dan pendedahan di media tempatan berkaitan dengan aktiviti mereka. Sorotan literatur lalu menunjukkan terdapat banyak paparan negatif berkaitan golongan Afrika di pelbagai media. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana media tempatan memaparkan warga Afrika di Malaysia. Kajian ini menggunakan teori penetapan agenda dalam proses untuk memahami kandungan media dan apa yang dipaparkan. Satu kajian analisis kandungan telah dijalankan ke atas artikel terbitan Berita Harian pada tahun 2013. Bahagian surat khabar yang dimasukkanlah adalah berita utama, berita dalam negeri dan isu-isu dalam negara. Kecuali penulisan sukan dan rencana. Berdasarkan kajian ini, daripada 69 artikel yang dikaji berkaitan warga Afrika di Malaysia, lebih daripada 90% daripada berita adalah negative dan fokus kepada isu berkaitan dadah dan penipuan.

Kata kunci: Afrika, Malaysia, pemaparan, Berita Harian, Media

### **ABSTRACT**

There has been an increase in the number of Africans entering Malaysia for various reasons. Among the popular reasons include education and tourism. Due to the increase of inflow of African communities in Malaysia, they are also getting coverage in the local media for activities surrounding them. Past literatures have stated that there have been negative portrayals of Africans in various forms of media. This study aims at understanding how local media portrays Africans in Malaysia. The study uses the agenda setting theory in understanding media content and what is being portrayed. A content analysis study was conducted on Berita Harian articles that were published throughout the year 2013. The sections covered were on main news and news and issues inside the country except for sports and feature writing. Based on the study, out of the 69 articles published related to Africans in Malaysia, more than 90% of the news are negative and focused towards issues relating to drugs and fraud.

Keywords: Africans, Malaysia, Portrayal, Berita Harian, Media

### **PENGENALAN**

Kemasukan warga Afrika ke Malaysia semakin bertambah. Antara tujuan mereka adalah untuk melancong, belajar, bekerja atau tujuan lain. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi

Malaysia (2008) kemasukan pelajar warga Afrika menunjukkan peningkatan daripada 2,574 orang pada 2003 bertambah kepada 9,784 pada tahun 2007. Kuantiti ini hanya melibatkan kemasukan warga Afrika untuk tujuan pelajaran sahaja, tidak termasuk lagi dengan tujuan lain. Terdapat juga warga Afrika yang masuk ke Malaysia tanpa mengikut prosedur yang betul. Ini membuatkan mereka dikategorikan sebagai pendatang asing tanpa izin yang merupakan antara salah satu kesalahan yang dilakukan oleh warga asing di Malaysia. Menurut Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) pada 20 November 2013, pihak SPRM mengesahkan bahawa kemasukan warga asing ke Malaysia yang tidak mengikut prosedur yang betul menyebabkan pertambahan kemasukan warga asing yang tidak diketahui motif kemasukannya.

Media memainkan peranan yang penting dalam memberi maklumat dan menggambarkan realiti kepada khalayak. Cara media menggambarkan warga Afrika akan dibaca oleh masyarakat Malaysia dan jikalau mesej yang disampaikan adalah secara berterusan, ianya berpotensi untuk membina persepsi masyarakat tentang sesuatu isu itu. Ini juga boleh mewujudkan stereotaip dalam kalangan masyarakat dimana mereka menganggap apa yang dilakukan oleh sebilangan kecil warga asing itu adalah representasi kepada keseluruhan kumpulan masyarakat tersebut.. Ini juga mungkin dapat berlaku ke atas golongan Afrika. Hal ini kerana bukan semua warga Afrika di Malaysia terlibat di dalam aktiviti yang tidak bermoral tetapi ada yang berada di Malaysia atas tujuan untuk menyambung pelajaran atau bersantai sebagai pelancong.

Oleh itu, penyelidikan ini akan dijalankan untuk mengenal pasti adakah jenis berita yang dipaparkan berkaitan dengan warga Afrika di Malaysia . Ianya memberi fokus sama ada berita yang terkandung dalam surat khabar adalah berunsur negatif atau positif melalui cara penulisan wartawan dan isu yang dipaparkan dalam surat khabar.

## PAPARAN WARGA AFRIKA DALAM BUKU

Dalam "*Introductory Human Geography Textbook Representations of Africa*" yang dijalankan oleh Myers, G. A (2001), penyelidikan mengkaji penggambaran Afrika yang terdapat di dalam buku teks "*Introductory Human Geography*". 10 buku teks yang dikaji terdiri daripada 8 buku dikarang oleh Amerika Syarikat, 1 daripada Kanada dan 1 daripada British untuk dianalisis kandungan teks, gambar dan peta di dalam buku tersebut. Penyelidik mendapati bahawa 6 buku menggunakan AIDS atau penyakit lain di Afrika sebagai contoh untuk pengajaran penyebaran penyakit berjangkit di Afrika. 8 buku mengenal pasti gurun di *Sahel* sebagai zon terbesar bagi perkembangan padang pasir. Sebanyak 7 buku membincangkan "*tribalism*" iaitu konflik etnik sebagai punca konflik. Salah satu buku lagi menjelaskan bahawa Afrika sebagai "*wild zone*" di mana kumpulan suku kaum berperang antara satu sama lain kerana pecahan undang-undang suku kaum sendiri. Bandar Afrika jarang digambarkan dalam teks. Hanya 1 buku yang menggambarkan bandar Afrika secara positif dengan memberi pujian iaitu bersih, direka dengan baik dan bandar yang teratur. Afrika yang digambarkan sebagai "*written off,*" a "*wild zone,*" dan "*the slow world*" dan tapak yang merupakan punca bermulanya krisis manusia di dunia iaitu AIDS, lebih penduduk, pelarian, terlebih urbanisasi, kekurangan zat makanan, dan sebagainya. Oleh itu idea-idea mengenai Afrika diterapkan kepada pelajar kelas geografi dan kemungkinan besar pelajar menerima andaian negatif tentang apa yang digambarkan dalam buku mengenai Afrika.

Kajian yang dijalankan oleh Morosetti T. (2013) yang bertajuk "*Black on Black: (In)Visibility in African Literary Heterotopias*" telah mengkaji beberapa novel Afrika sama ada mengandungi stereotaip positif atau negatif terhadap Afrika serta memperalatkan novel

tersebut untuk membina wacana politik dan perwakilan. "*Heterotopias*" bermaksud semua ruang dalam kehidupan sebenar di mana sesuatu idea atau imej yang tidak benar mengenai masyarakat tetapi digambarkan dengan sempurna dan berkesan. Contoh ruang tersebut adalah perpustakaan dan muzium. Dalam *Kolera Kolej*, sejarah Afrika digariskan dalam plot dan juga menceritakan Universiti Nigeria. Sebagai kiasan sejarah Afrika, *Kolera Kolej* menyindir perkara "biasa" Afrika iaitu kuasa rasuah. Kegagalan demokrasi, jurang kelas sosial, diskriminasi kelas sosial juga digambarkan dalam novel tersebut. Dalam novel *The Rogol Shavi* menceritakan seorang ratu bernama Ayoko telah dirogol oleh salah seorang pengunjung iaitu Ronje. Dalam novel tersebut juga turut menceritakan tentang aspek-aspek utama stereotaip Barat terhadap Afrika dengan benua sebagai kejahilan agama, kepercayaan karut, ketamakan kuasa dan sebagainya. *Wizard of the Crow* pula menceritakan hampir semua ciri-ciri stereotaip Afrika diceritakan seperti sindiran terhadap kuasa, sihir, dan cabaran yang dihadapi oleh Afrika kini.

### **ISU WARGA ASING DI MEDIA TEMPATAN**

Penglibatan Malaysia dalam globalisasi telah memperkenalkan Malaysia dalam dunia global melalui penyaluran maklumat mengenai Malaysia dan ini telah membawa kemasukan warga asing ke negara ini untuk pelbagai tujuan. Antara tujuan kemasukan warga asing adalah sebagai pelancong, pelajar, pekerja, urusan perniagaan, hubungan diplomatik kerajaan dan sebagainya. Menurut Timbalan Menteri dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaffar dalam Dewan Rakyat Malaysia (2013), jumlah pekerja asing di Malaysia yang sah dan berdaftar adalah sebanyak 2,116,998 orang. Kemasukan warga asing ke Malaysia untuk tujuan penyambungan pelajaran adalah sebanyak 30,397 orang pada tahun 2003 dan bertambah kepada 47,928 orang pada tahun 2007 (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2008). Daripada 47,928 orang tersebut, sebanyak 9,784 atau 20.41 peratus (%) terdiri daripada warga benua Afrika.

Menurut Ahm Zehadul Karim (1999), pada masa dahulu, pekerja asing biasanya terdiri daripada warga negara-negara Eropah Barat dan Amerika Syarikat tetapi selepas tahun 1960-an dan 1970-an, kemasukan tenaga kerja kebanyakan dari negara Asia termasuk rantau Asia Pasifik kerana pertumbuhan perindustrian yang pesat dalam negara. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-7, dengan pertumbuhan yang pesat, pihak kerajaan Malaysia telah membenarkan kemasukan pekerja asing bagi sektor tertentu dalam ekonomi untuk mengurangkan masalah kekurangan buruh. Dengan ini, terdapat ramai warga asing terutamanya warga daripada negara yang menghadapi masalah pengangguran akan berebut datang ke Malaysia untuk mencari kerja. Di bawah Seksyen 63A, Akta Kerja 1955, majikan diwajibkan mendaftar tempat pekerjaan pekerja asing dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JKTSM) untuk menggaji pekerja asing yang terdiri dari 15 negara yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu pekerja dari Thailand, Kemboja, Nepal, Myanmar, Laos, Vietnam dan lain-lain (Kementerian Dalam Negeri). Kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing ke Malaysia kerana dapat mengurangkan kos pengeluaran syarikat, tetapi ia juga telah menyebabkan masalah sosial.

Berita Harian 21 Februari 2014 melaporkan bahawa Jabatan Imigresen Melaka menahan 29 warga asing termasuk dua bayi lelaki dalam operasi bersepadu di sekitar Melaka. Mereka terdiri daripada 10 lelaki, 4 wanita dan 2 bayi warga Indonesia; 3 lelaki warga Ghana dan seorang lelaki Bangladesh dan Nigeria. Dalam satu operasi lagi, pihak Jabatan Imigresen Melaka menahan 4 lelaki warga Nigeria, 3 wanita Indonesia dan seorang wanita Thailand. Kesemua mereka ditahan kerana disyaki masuk ke Malaysia tanpa permit sah selain tinggal lebih masa.

Menurut Utusan Malaysia 8 Mac 2014, dalam satu operasi yang dijalankan, polis telah menahan 6 pelajar warga asing iaitu 3 lelaki warga Nigeria dan 3 Uganda bersama

seorang lelaki tempatan. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Noor Sashid Ibrahim berkata, kira-kira 4.9 kilogram dadah jenis syabu dirampas yang dianggar bernilai RM900,000. Selain itu, Utusan Malaysia 8 Februari 2014 turut melaporkan bahawa pihak polis telah menumpaskan sindiket penipuan cinta yang aktif di beberapa buah negeri, seramai 15 suspek ditahan termasuk 5 warga Nigeria yang disyaki menjadi dalang sindiket. Dalam berita tersebut juga melaporkan bahawa mereka menggunakan gambar palsu individu cantik atau kacak dalam laman sosial bagi mengaburi mangsa serta menggunakan kata-kata manis dan ayat-ayat cinta. Menurut Utusan Malaysia 6 Mei 2014, sindiket penipuan cinta siber yang didalangi oleh Afrika tidak hanya menyasarkan mangsa di Malaysia malah melebarkan perangkap hingga ke Singapura dan Australia. Pendedahan oleh media di negara yang terbabit menunjukkan jejak penipuan cinta siber yang berleluasa ini terdiri daripada penjenayah warga Afrika dari Malaysia. Kegiatan penjenayah warga asing ini telah mencemarkan imej negara di kaca mata antarabangsa.

Menurut The Star 18 Mac 2014, Menteri Dalam Negeri berkata, pihak berkuasa bimbang tentang kadar jenayah yang meningkat dalam kalangan pelajar Nigeria di Malaysia. Mengikut statistik, 40 kes jenayah melibatkan pelajar Nigeria, 505 kes adalah tinggal tanpa permit yang sah dan 1,003 kes melibatkan jenayah komersial. 5,217 kes pelajar negara asing tinggal tanpa permit yang sah di Malaysia daripada 2010 hingga 2013, terdapat 1,579 kes adalah daripada Nigeria. Pelaporan berita yang melaporkan kebimbangan pihak berkuasa terhadap kadar jenayah secara tidak langsung juga akan membawa kebimbangan pembaca tambahan lagi berita merujuk jenayah yang dilakukan oleh warga Afrika.

## TEORI PENETAPAN AGENDA

Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah Teori Penetapan Agenda yang dihasilkan oleh Maxwell E. McCombs dan Donald L. Shaw pada tahun 1972 mengenai "*The Agenda-Setting Function of Mass Media*". Teori Penetapan Agenda menjelaskan bahawa pengaruh media yang kuat dan keupayaan untuk memberitahu khalayak apakah isu-isu yang penting. Teori Penetapan Agenda juga mengatakan bahawa media membentuk citra tentang sesuatu dalam masyarakat dan media berkuasa untuk mengubah persepsi masyarakat tentang sesuatu isu. McCombs dan Shaw (1977) berkata, manusia sedar bahawa akhbar membawa maklumat berita tetapi mungkin kurang sedar bahawa maklumat tersebut dari semasa ke semasa boleh membentuk idea-idea mengenai isu-isu penting. Dalam konteks ini, editor memainkan peranan penting dalam membentuk realiti sosial kerana tugas mereka adalah untuk memilih dan memaparkan berita yang harus dibaca oleh khalayak dan pemilihan berita yang disalurkan kepada khalayak berkeupayaan untuk mempengaruhi fikiran orang ramai tentang sesuatu kejadian.

Editor mempunyai kuasa untuk menjadikan isu-isu tertentu lebih penting dengan meletakkan berita tersebut dalam ruang yang lebih menonjol atau menumpukan sebahagian besar daripada ruang berita untuk isu-isu tersebut. Pemilihan berita oleh editor tidak semestinya sama rata terhadap isu yang disebarkan kepada khalayak. Idea penetapan agenda menegaskan bahawa keutamaan akhbar pada tahap yang tertentu akan menjadi keutamaan orang ramai. Isu yang ditekankan akhbar akan turut ditekankan oleh semua khalayak.

Dalam Teori Penetapan Agenda, pendapat dan pengetahuan yang diterima oleh khalayak mengenai isu dan ahli politik adalah realiti secara *secondhand*, kerana khalayak tidak dapat mengakses secara langsung. Dalam isu politik contohnya, pengetahuan mengenai politik negara adalah hanya aspek yang dianggap mempunyai nilai berita yang mencukupi untuk dipaparkan dalam media massa. (McCombs & Shaw 1977).

Menurut definisi Teori Penetapan Agenda yang diperkenalkan oleh Roger, Dearing dan Bregman (1988) dalam Miller (2005) pula, penetapan agenda melibatkan beberapa

agenda yang berkaitan iaitu agenda media, agenda publik dan agenda polisi. Agenda media ialah satu set topik yang dilaporkan oleh media (akhbar, television, radio dan sebagainya), agenda publik adalah set topik yang orang ramai mempercayai bahawa topik tersebut adalah penting dan agenda polisi merupakan isu-isu pembuat keputusan (undang-undang dan mereka yang mempengaruhi proses perundangan) mempercayai ia adalah sangat penting.

Dalam proses Penetapan Agenda, *gatekeepers* media yang berpengaruh akan memilih berita yang ingin dilaporkan dan berita yang menakjubkan kepada masyarakat. Menurut Roger & Dearing (1988) dalam Sanchez (2002), agenda media adalah kepentingan sesuatu isu-isu yang akan dibincangkan dalam media, seterusnya isu-isu yang dibincangkan dalam media akan memberi kesan ke atas cara khalayak berfikir yang dikenali sebagai agenda publik. Akhirnya agenda publik mempengaruhi agenda polisi. Peranan penetapan agenda media berita bukan sahaja terhad kepada memberi perhatian awam pada isu-isu tertentu, tetapi juga beroperasi pada skop yang lebih luas iaitu mempengaruhi kefahaman dan perspektif khalayak dari topik dalam berita dan seterusnya menjadikan sesuatu isu berubah dari agenda media kepada agenda publik. (Valenzuela, S. & McCombs, M. 2009). Sesuatu isu yang sentiasa ditonjolkan oleh media, isu tersebut akan menjadi penting dalam agenda publik. Walau bagaimanapun, isu yang dianggap penting adalah berbeza dalam setiap agenda. Isu yang penting dalam agenda polisi tidak semestinya penting dalam agenda publik dan agenda media (Miller, K. 2005).

Pengalaman peribadi termasuk komunikasi dengan rakan-rakan, keluarga dan rakan sekerja juga turut mempengaruhi agenda. Sesuatu isu adalah menonjol jika kebanyakan manusia mempunyai hubungan secara langsung dengannya dan sentiasa membincang dalam kalangan masyarakat, sebaliknya sesuatu isu kurang menonjol jika masyarakat tidak mempunyai pengalaman langsung dalam kehidupan (Miller, K. 2005). Oleh yang sedemikian, manusia lebih bergantung kepada media berita untuk mendapatkan maklumat tentang isu yang kurang menonjol dan lebih kukuh kesan penetapan agenda kepada khalayak. (Valenzuela, S. & McCombs, M. 2009).

Dalam pelaporan berita, cara mempersembahkan berita juga merupakan antara elemen yang penting. Kejelasan penyampaian dan kedudukan berita mempengaruhi perhatian khalayak, agenda media dan agenda publik. Menurut Iyengar, S. dan Kinder D. (1987) dalam Baran, S. J. et al. (2006) mengatakan bahawa berita yang dramatik akan menjejaskan berita bukannya meningkatkan kuasa penetapan agenda. Media yang berkuasa banyak memberi tumpuan kepada keadaan atau individu tertentu dan bukannya mengenai isu. Bagi kedudukan berita pula, cerita utama (*lead stories*) mempunyai kesan penetapan agenda yang lebih besar. Khalayak akan memberi lebih perhatian kepada cerita pada awal berita dan khalayak akan menerima maklumat yang diberikan daripada berita tersebut dan penetapan agenda berjaya mempengaruhi khalayak. Selain itu, berita dalam cerita utama (*lead stories*) akan diterima oleh khalayak kerana mereka merasa ia adalah berita yang bernilai atau penting.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini telah dijalankan menggunakan analisis kandungan. Sampel dalam kajian ini adalah berita yang terdapat di dalam akhbar Berita Harian iaitu yang berkaitan dengan Afrika dari 1 Januari 2013 hingga ke 31 Disember 2013. Segala berita yang melibatkan dengan warga Afrika dalam Malaysia dijadikan sampel dalam kajian. Kajian ini memberikan penekanan kepada isu semasa iaitu isu sosial, isu politik dan lain-lain berita yang berkaitan dengan Afrika. Berita Sukan, Rencana dan pendapat pembaca tidak dimasukkan sebagai sampel kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Media akhbar memainkan peranan yang penting dalam pemilihan berita yang ingin disampaikan kepada khalayak. Media berkuasa dalam mbingkaikan isu yang disampaikan melalui pemilihan dan penonjolan sesuatu aspek dan turut mempengaruhi sikap masyarakat terhadap berita yang dikeluarkan. Menurut Entman, R. M. (1993), pbingkaian melibatkan pemilihan dan penonjolan iaitu memilih beberapa aspek yang dianggap sebagai realiti dan menjadikan aspek tersebut adalah penting dengan sering kali menonjol aspek tersebut dalam teks komunikasi iaitu media.

Media berkuasa membuat sesuatu maklumat menjadi lebih ketara, bermakna, atau tidak dilupakan kepada khalayak melalui penonjolan. Peningkatan penonjolan meningkatkan kebarangkalian penerima akan melihat maklumat, membezakan makna, memproses maklumat itu, dan menyimpannya dalam ingatan. Akhbar Berita Harian telah menjalani proses pbingkaian di dalam pemilihan berita yang dipaparkan di dalam akhbar. Dalam proses merekod data ini, juru kod boleh merekod lebih daripada 1 kategori. Hal ini kerana terdapat berita yang menggambarkan warga Afrika kepada dua perkara yang berbeza, maka juru kod boleh merekod lebih daripada 1 kategori asalkan bersesuaian dengan berita yang dianalisis.

Jadual 1: Kekerapan penggambaran warga Afrika berita yang berkaitan dengan warga Afrika dalam Malaysia antara 1 Januari 2013 - 31 Disember 2013.

<b>Penggambaran Warga Afrika</b>	<b>Kekerapan (Unit)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pengedaran Dadah	21	30.4
Penipuan	13	18.8
Mangsa Kemalangan	7	10.1
Kes Mahkamah	6	8.7
PATI	6	8.7
Lain-lain	5	7.3
Penyalahgunaan Dokumen/Pas	4	5.8
Ekonomi Malaysia	3	4.4
Bidang Akademik	3	4.4
Pembunuhan	1	1.4
Jumlah	69	100

Merujuk jadual di atas, secara majoriti isu warga Afrika di Malaysia yang dipaparkan oleh Berita Harian adalah mengenai pengedaran dadah dan penipuan. Kedua-duanya adalah berkaitan dengan jenayah. Sebanyak 21 unit berita (30.1%) telah menggambarkan warga Afrika terlibat dengan pengedaran dadah. Pemaparan yang kedua terbanyak oleh Berita Harian terhadap warga Afrika adalah penipuan. Kategori penipuan termasuklah penipuan cinta, penipuan parcel, penipuan dalam e-mel dan sebagainya. Jumlah liputan adalah sebanyak 13 unit berita iaitu 18.8%.

Selain itu, berita mengenai warga Afrika yang dikaitkan dengan mangsa kemalangan termasuklah kemalangan jalan raya, kemalangan yang disebabkan oleh melarikan diri daripada ditahan dan sebagainya adalah sebanyak 7 unit berita atau 10.1%. Pemaparan warga Afrika sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) dan kes mahkamah adalah masing-masing mempunyai 6 unit berita atau 8.7%. Kes mahkamah yang dilaporkan oleh mahkamah adalah seperti kes penculikan, kes pengedaran dadah, kes penembakan Angkatan Tentera Malaysia dan sebagainya. Pemaparan warga Afrika dengan penyalahgunaan dokumen atau pas adalah mempunyai 4 unit berita dan yang paling kurang ialah penggambaran warga Afrika dengan ekonomi Malaysia dan bidang akademik iaitu masing-masing mempunyai 3 unit berita atau

4.4 peratus (%). Bagi lain-lain pula, ia adalah merangkumi 5 unit berita iaitu sebanyak 7.3 %. Daripada lain-lain tersebut, terdapat 3 unit berita adalah mengaitkan warga Afrika dengan kes penculikan dan 2 unit lagi berita adalah mengaitkan warga Afrika dengan kes sindiket transit wang haram.

Berdasarkan jadual di atas dapat diketahui bahawa Berita Harian sering memaparkan berita yang berkaitan dengan warga Afrika di Malaysia dengan mengaitkan mereka dengan kes penipuan dan pengedaran dadah yang kedua-dua adalah jenayah.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Berita Harian, penyelidik mengenal pasti bahawa isu yang sentiasa dilaporkan oleh Berita Harian adalah isu jenayah. Isu jenayah yang paling banyak ditonjolkan oleh Berita Harian ialah kes pengedaran dadah, penipuan dalam berbagai jenis seperti penipuan cinta, penipuan e-mel, penipuan parcel dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kes pendatang asing tanpa izin iaitu warga Afrika ditahan oleh pihak berkuasa kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, kes mahkamah disebabkan perbuatan jenayah seperti pengedaran dadah, penculikan dan lain-lain lagi. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, penyelidik mendapati sebanyak 88.7% kes jenayah yang melibatkan warga Afrika telah ditonjolkan oleh Berita Harian, berbanding pelaporan isu ekonomi hanya 3.2% dan isu akademik sebanyak 5.7%.

Dapatan ini telah disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Henderson, C. E. (2010) mengenai penggambaran warga Afrika dalam filem. Menerusi filem *The Green Mile* dan *Training Day*, warga Afrika telah digambarkan terlibat dalam kes jenayah. *The Green Mile* memaparkan kisah seorang warga Afrika telah merogol dan membunuh dua kanak-kanak perempuan yang berwarna kulit putih. Walaupun ia hanyalah tuduhan palsu tetapi filem tersebut masih mengaitkan warga Afrika dengan jenayah dan menggambarkan mereka secara negatif. *Training Day* pula adalah sebuah filem mengenai seorang polis (pelakon Afrika) yang menyalahi tugas sendiri dengan melibatkan diri dalam jenayah.

Kedua-dua filem tersebut menunjukkan bahawa media tidak kiralah media akhbar dan industri filem telah menggambarkan mereka secara tidak sama rata apabila sering mengaitkan warga Afrika dengan isu jenayah. Walaupun berita yang dilaporkan adalah mengenai kejadian yang benar tetapi filem yang ceritanya adalah rekaan turut memaparkan mengenai isu jenayah. Secara tidak langsung, hal ini akan membentuk satu persepsi yang negatif oleh khalayak. Pelbagai kajian telah menerangkan bahawa penggambaran yang negatif akan menyebabkan khalayak mempunyai persepsi yang negatif terhadap golongan yang terlibat. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian Tan, Alexis et al. (2010), yang mengatakan bahawa penggambaran media tentang warga Afrika secara negatif akan memberi stereotaip negatif, manakala penggambaran yang positif pula akan memberi pandangan yang positif terhadap warga Afrika.

Menerusi kajian ini, Berita Harian menggambarkan warga Afrika terlibat dengan kegiatan pengedaran dadah dan menggunakan pelbagai taktik bagi mengelakkan diri daripada dikesan pihak berkuasa. Dalam Berita Harian, terdapat beberapa berita yang menjelaskan kaedah yang digunakan oleh warga Afrika untuk menyeludup dadah ke Malaysia. Antara kaedah yang dipaparkan seperti dadah disorok dalam bagasi, dalam tapak kasut yang diubahsuai, dalam coli dan dadah diubahsuai menjadikan kurma untuk mengaburi mata pihak berkuasa. Berita tersebut turut dilaporkan berserta visual yang menunjukkan barangan yang telah diubahsuai oleh mereka. Pemaparan cara warga Afrika mengubahsuai sesuatu barang untuk tujuan membawa masuk dadah dan visual barang yang diubahsuai telah melambangkan

warga Afrika sanggup menggunakan pelbagai cara supaya dapat menyeludup sesuatu barang yang dilarang ke Malaysia.

Pemaparan kedua yang kerap dipaparkan adalah mengenai isu penipuan. Dalam konteks ini, Berita Harian juga memaparkan cara-cara yang digunakan oleh warga Afrika untuk memujuk mangsa supaya mempercayai dan menuruti keinginan warga Afrika. Antaranya, laporan Berita Harian yang memaparkan mengenai warga Afrika yang melakukan penipuan menerusi internet apabila menggunakan gambar palsu dan kata-kata cinta untuk mendapatkan kepercayaan mangsa. Kemudian, mereka berjanji akan berjumpa mangsa dengan memujuk supaya memberi wang kepada mereka kerana ingin membeli tiket kapal terbang. Segala transaksi wang dilakukan melalui internet (Berita Harian 29 Jun 2013, 17 Ogos 2013, 14 Disember 2013). Seterusnya, penipuan dengan menawarkan pelabur dalam perniagaan yang mampu memberi pulangan yang lumayan dalam beberapa bulan (Berita Harian, 26 Jun 2013), penipuan parcel iaitu mendakwa barangan dipesan adalah ditahan oleh kastam serta memerlukan wang tunai untuk membayar cukai perlepasan (Berita Harian, 19 Jun 2013, 29 Jun 2013) dan pelbagai cara penipuan yang telah dilaporkan oleh pihak media.

Dalam pelaporan isu penipuan, media telah memberi maklumat kepada khalayak untuk mengetahui kaedah penipuan yang digunakan untuk mendapatkan kepercayaan mangsa. Kaedah media melaporkan isu tersebut adalah baik dari segi memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mengelakkan diri daripada menjadi mangsa, tetapi media yang melaporkan penipuan dengan mengaitkan kes tersebut dengan warga Afrika telah menjadi tidak wajar dan bias. Hal ini kerana bukan warga Afrika sahaja yang menjalankan kes penipuan, warga lain dan warga tempatan juga terlibat dalam penipuan. Berita Harian 26 Jun 2013 melaporkan seorang mangsa mengalami kerugian sebanyak RM1.3 juta kerana diperdaya sindiket *Romance Scam* yang didalangi warga Afrika. Suspek yang ditahan untuk siasatan adalah 8 wanita tempatan dan 9 warga Nigeria yang dipercayai dalang utama kepada *Romance Scam*. Kes yang kedua iaitu berita pada 19 Mac 2013 memaparkan seorang pelancong Jepun diculik oleh warga Nigeria dan warga Filipina. Kes tersebut juga melibatkan warga dari negara lain, bukan sahaja warga Afrika, tetapi Berita Harian turut mengaitkan kes penipuan dengan lebih menonjolkan warga Afrika daripada warga lain. Sebagai bukti berita pada 14 Disember 2013, melaporkan bahawa jenayah penipuan dilakukan warga Afrika mencetuskan kebimbangan apabila 1,037 kes dilaporkan pada tahun berkenaan yang membabitkan kerugian sebanyak RM78.9 juta. Dalam berita tersebut menonjolkan kes penipuan dilakukan oleh warga Afrika dan tidak menyebut warga lain turut terlibat dalam kes penipuan. Penonjolan media yang hanya menonjolkan warga Afrika dan tidak melaporkan penglibatan warga lain secara tidak langsung berkemampuan untuk membentuk pandangan khalayak bahawa jenayah adalah seolah-olah hanya dilakukan oleh warga Afrika.

Selain itu, dalam berita tersebut juga melaporkan bahawa warga Afrika melakukan kes penipuan dengan memalsukan pas pelajar untuk berada di negara ini dan beberapa berita lain juga memaparkan kes penipuan, kes pengedaran dadah atau sesuatu yang melanggar undang-undang Malaysia adalah dilakukan oleh pelajar Afrika dari institusi pengajian tinggi atau warga Afrika yang memegang pas pelajar. Contoh berita yang memaparkan warga Afrika yang memegang pas pelajar melakukan jenayah adalah berita pada 14 Januari 2013, 10 Mac 2013, 18 April 2013, 26 Julai 2013, 2 Ogos 2013 dan lain-lain lagi. Jumlah berita yang melibatkan dengan pelajar warga Afrika adalah sebanyak 13 unit berita dalam akhbar Berita Harian.

Pemaparan yang terdapat pada Berita Harian adalah majoritinya memaparkan berita yang melibatkan warga Nigeria iaitu sebanyak 35 unit atau 58.3% berita daripada jumlah keseluruhan berita. Jumlah ini merupakan kuantiti yang jauh lebih tinggi daripada warga lain.



Hasil mendapati warga Afrika Selatan hanya mendapat 4 unit atau 6.7% berita yang melibatkan mereka, 2 unit atau 3.3% berita sahaja yang melibatkan warga Ghana, Somalia dan Uganda. Hal ini menunjukkan Berita Harian lebih melaporkan mengenai warga Nigeria berbanding dengan warga lain. Kajian juga mendapati bahawa 97.1% liputan yang berkaitan dengan warga Nigeria adalah mengenai keterlibatan mereka dalam kes jenayah dan 1 unit atau 2.9% yang terlibat dalam kes kemalangan dan semua berita adalah bersifat negatif.

Kes jenayah yang dipaparkan telah dijelaskan di atas, maka bagi kes kemalangan pula, pada 23 Ogos 2013, Berita Harian memaparkan mengenai pelajar Nigeria maut dan cedera parah apabila kereta hilang kawalan dan merempuh pokok kerana dipercayai memandu dalam keadaan mabuk ketika pulang ke asrama mereka. Dalam konteks tersebut, warga Nigeria digambarkan secara negatif kerana dilaporkan memandu kereta dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan. Mereka hanya dipercayai mabuk semasa memandu dan tidak disahkan oleh mana-mana pihak, tetapi penulisan perkara tersebut menerusi berita telah menunjukkan sesuatu pandangan yang negatif terhadap mereka.

Tambahan lagi, akhbar ini turut mengaitkan warga Nigeria dengan kes penipuan dan memberi sesuatu nama khas untuk melambangkan mereka. Berita pada 22 Mei 2013 melaporkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menasihati orang ramai supaya tidak mempercayai e-mel penipuan Nigeria yang kini menggunakan nama rakyat Malaysia. Berita Harian mengaitkan terus warga Nigeria dengan penipuan dan memberi perlambangan nama iaitu "e-mel penipuan Nigeria". Perkara ini adalah tidak adil kerana berita tersebut tidak mengesahkan penipuan tersebut adalah dilakukan oleh warga Nigeria. Media juga memberi spesifikasi lagi dengan mengatakan mereka adalah pelajar, maka ini lebih membawa makna yang negatif kepada pelajar Nigeria.

## **RUMUSAN**

Pemaparan berita yang melaporkan sesuatu kejadian dengan merujuk sesuatu golongan secara spesifik secara tidak langsung menunjuk cara media menggambarkan golongan tersebut kepada khalayak. Misalnya dalam pemaparan media terhadap warga Afrika, warga Afrika di spesifikasi lagi dengan "pelajar Nigeria" melakukan penipuan atau pengedaran dadah, maka media telah menggambarkan pelajar Nigeria terlibat dengan aktiviti negative dan tidak bermoral dan ini berkemungkinan akan membentuk persepsi negatif oleh khalayak terhadap mereka. Kajian yang dijalankan oleh Salma (2014) mendapati bahawa pemaparan media telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap pelajar Nigeria. Salma mendapati pelajar Afrika pernah mengalami masalah untuk beradaptasi dengan masyarakat tempatan. Hal ini merupakan layanan yang negatif oleh warga tempatan terhadap pelajar Nigeria kerana terdapat warga tempatan mempunyai persepsi yang negatif terhadap mereka. Walaupun bilangan ini masih kecil namun ada yang mengatakan bahawa ianya berkesan dari paparan media.

Kajian lepas yang mendapati benua Afrika dan warga Afrika dipaparkan secara negatif dalam media tidak kiralah media cetak atau media penyiaran telah menyokong kajian ini yang mendapati warga Afrika di Malaysia digambarkan secara negatif.. Kajian lanjut boleh dijalankan untuk mengenal pasti faktor media dalam menetapkan agenda dan menemuramah penulis artikel di media tempatan dan mendapatkan informasi tentang bentuk penulisan berkaitan warga Afrika.

## RUJUKAN

- Ahm Zehadul Karim, Moha Asri Abdullah, Hohd Isa Haji Bakar. 1999. *Foreign Workers In Malaysia*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Anon. 2014. Crime rate increase among Nigerian Student Worrying. *The Star*. 18 Mac.
- Anon. 2013. Jumlah Warga Asing tak Terkawal. *Sinar Harian*. 18 September.
- Anon. 2014. 29 Pendatang Asing Termasuk Dua Bayi Ditahan dalam Ops 6P di Melaka. *Berita Harian*. 21 Februari.
- Anon. 2014. Pelajar Asing Ditahan Edar Dadah RM900,000. *Utusan Malaysia*, 8 Mac.
- Anon. 2014. Penipuan Cinta Siber Cemar Nama Baik Malaysia. *Utusan Malaysia*. 6 Mei.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2013. Perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan. Parlimen Ketiga Belas Penggal Pertama.
- Dato' Sri Mohd Shukri Abdull. 2013. SPRM Sahkan Siasatan Kemasukan Pekerja Asing Tidak Ikut Prosedur. *Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia*. 20 November.
- Entman R. M. 1993. Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*. 43(4). Northwestern University, Evanston. hlm 51-58.
- Golan, G. J. 2008. Where in the world is Africa? Predicting coverage of Africa by us television networks. *The International Communication Gazette* 70(1): 41-57.
- Kementerian Dalam Negeri. 2012. *Dasar-dasar Semasa Pengajian Pekerja Asing*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2008. Enrolmen pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengikut negara asal tahun 2003-2007. [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/statistik\\_pdf\\_2008\\_05/data\\_makro\\_1-4.pdf](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/statistik_pdf_2008_05/data_makro_1-4.pdf) [6 Jan 2015]
- McCombs, M. E & Shaw, D. L. 1977. *The Emergence of American Political Issues: The Agenda-Setting Function of the Press*. United States: West Publishing Co.
- Miller, K. 2005. *Communication Theories- Perspectives, Processes and Contexts*. Ed. Ke-2. New York: McGraw-Hill.
- Morosetti T. 2013. Black on black: (in)visibility in African literary heterotopias. *Research In African Literature*. 44(2): 48-61.
- Myers, G.A. 2001. Introductory human geography textbook representations of Africa. *Department of Geography and African & African American Studies*. 53(4): 522-532.

Norhidayu Mohd. Hassan. 2014. Sindiket 'ayat-ayat cinta' Tumpas. *Utusan Malaysia*. 8 Februari.

Pickering, M. 2008. Sex in the sun: racial stereotypes and tabloid news. *Social Semiotics*. 18(3): 363-375.

Roger & Dearing 1988. Dlm Sanchez, M. 2002. Agenda Setting. Spring. <http://zimmer.csufresno.edu/~johnca/spch100/7-4-agenda.htm> [23/7/2014]

Roger, Dearing & Bregman 1988. Dlm. Miller, K. 2005. *Communication Theories-Perspectives, Processes and Contexts*. Ed. Ke-2. New York: McGraw-Hill.

Salma Binti Ali. 2014. Pengadaptasian pelajar Afrika di Malaysia: satu kajian ke atas pelajar Nigeria di UKM. Tesis Sarjana Sains Sosial, Pengurusan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tan, Alexis, Dalisay, F., Zhang Yun Ying, Han Eun-Jeong, Merchant, M. M. 2010. A cognitif processing model of information source use and stereotyping: African-American stereotypes in South Korea. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*. 54(4): 569-587.

Valenzuela, S. & McCombs, M. 2009. The Agenda-Setting Role of the News Media. Dlm. Stacks, D. W. (pnyt.) *An Integrated Approach to Communication Theory and Research*. Ed. Ke-2. United Kingdom: Routledge Taylor & Francis Group.

Abdul Latiff Ahmad & Mala a/p Kumar  
FSSK, UKM  
alba@ukm.edu.my